

Penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Mahkamah di Malaysia *The Use of Malay Language as the Court Language in Malaysia*

TAN CHAI WEI
YONG KIN NGAI
TAN HOUI YING

ABSTRAK

Sejak berabad-abad lamanya sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan, bahasa Melayu sudah menjadi lingua franca di Kepulauan Melayu, terutamanya dalam urusan perdagangan. Bahasa ini kemudian menjadi bahasa kebangsaan Malaya dan Malaysia sejak abad ke-20. Walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi Malaysia, kedudukannya sebagai bahasa mahkamah memerlukan perbincangan yang lebih mendalam kerana sistem perundangan Malaysia yang bersifat dwibahasa. Hal ini bermakna bahawa selain bahasa Melayu, bahasa Inggeris juga merupakan bahasa yang cukup penting di dalam Mahkamah di Malaysia. Artikel ini bertujuan untuk menerangkan penggunaan bahasa Melayu di dalam Mahkamah menurut statut yang relevan. Kedudukan bahasa yang digunakan sebagai bahasa mahkamah di bidang kuasa *common law* yang lain juga akan diteliti dan dibandingkan dengan Malaysia. Akhirnya, artikel ini akan menganalisis kepentingan penggunaan bahasa Melayu di dalam Mahkamah di Malaysia, cabaran yang dihadapi serta cadangan untuk memartabatkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa undang-undang.

Kata kunci: *Bahasa Melayu, bahasa mahkamah, bahasa kebangsaan, prosiding mahkamah*

ABSTRACT

Since many centuries before Malaysia achieved independence, the Malay language has been the lingua franca in the Malay Islands, especially in trade matters. This language later became the national language of Malaya and Malaysia since the 20th century. Although Malay is the official language of Malaysia, its position as the language of the courts requires a more in-depth discussion because the Malaysian legal system is bilingual. This means that apart from Malay, English is also a very important language in the Malaysian courts. This article aims to explain the use of the Malay language in the courts according to the relevant statute. The state of courts language in other common law jurisdictions will also be examined and compared with the situation in Malaysia. Finally, this article will analyze the importance of the use of the Malay language in the Courts in Malaysia, the challenges faced as well as suggestions to dignify the position of the Malay language as a legal language.

Keywords: Malay language, court language, national language, court proceeding

PENGENALAN

Kamus Dewan (2006) mentafsirkan “Melayu” sebagai nama suatu bangsa dan bahasa Melayu sebagai suatu bahasa utama di Semenanjung Malaysia. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Malaysia dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.¹ Hal ini dikatakan demikian kerana semasa proses merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, Suruhanjaya Reid telah menerima cadangan Parti Perikatan untuk mempertahankan kedaulatan bahasa Melayu dengan menjadikannya sebagai

bahasa kebangsaan. Apabila topik tentang bahasa mahkamah dibincangkan, “bahasa” yang dimaksudkan tidak hanya terhad kepada bahasa yang digunakan untuk prosiding Mahkamah, malah ia juga merujuk bahasa dalam undang-undang bertulis dan tidak bertulis. Pada tahun 1974, Jabatan Peguam Negara telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Bahagian Bahasa Kebangsaan supaya dokumen-dokumen seperti undang-undang, triti, dan perjanjian disediakan dalam bahasa kebangsaan.² Persoalannya, adakah bahasa Melayu kini satu-satunya bahasa yang digunakan di dalam Mahkamah.

PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DALAM PROSIDING MAHKAMAH

Penetapan bahasa mahkamah diperlukan supaya badan kehakiman dapat berfungsi secara efisien. Ketetapan bahasa Mahkamah di Malaysia boleh dilihat melalui Perlembagaan Persekutuan dan akta utama yang menjamin kedudukan bahasa Melayu, iaitu Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

PERKARA 152(1) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan diperuntukkan di bawah Perkara 152(1) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa:

“Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen:

Dengan syarat bahawa-

(a) tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi), atau daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa lain; dan

(b) tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menjejaskan hak Kerajaan Persekutuan atau hak mana mana Kerajaan Negeri untuk memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain di dalam Persekutuan.”

Seperti yang dijelaskan oleh Suffian LP dalam kes *Merdeka University Bhd v Government of Malaysia*,³ menurut Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, beberapa perkara boleh disimpulkan, iaitu:

(1) bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan;

(2) bahasa Melayu ialah bahasa rasmi; dan

(3) seseorang dilarang untuk menggunakan bahasa lain untuk tujuan rasmi, kecuali bahasa Inggeris untuk tujuan yang dibenarkan sebagai kekecualian di bawah seksyen 4 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

PERKARA 152(4) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Semasa Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, status bahasa Inggeris sebagai bahasa mahkamah di mahkamah atasan masih dikekalkan untuk 10 tahun yang pertama. Hal ini boleh dilihat di bawah Perkara 152(4) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa:

“Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainya oleh Parlimen, segala prosiding di dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi hendaklah dalam bahasa Inggeris:

Dengan syarat bahawa, jika Mahkamah dan peguam bagi kedua-dua pihak bersetuju, keterangan yang diambil dalam bahasa yang digunakan oleh saksi tidak perlu diterjemahkan ke dalam atau direkodkan dalam bahasa Inggeris.”

Situasi yang menunjukkan bahasa Inggeris masih merupakan bahasa mahkamah boleh dilihat menurut kes *Hassan & Anor lwn Wan Ishak & Ors*.⁴ Semasa kes fitnah ini didengar di hadapan mahkamah, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 belum lagi digubal, dan Perkara 152(4) masih beroperasi kerana tempoh 10 tahun selepas merdeka belum tamat. Menurut mahkamah, apabila kata-kata yang didakwa berunsur fitnah tersebut dituturkan dalam bahasa Melayu, ia bukan kata-kata yang dituturkan dalam bahasa

mahkamah, iaitu bahasa Inggeris. Thomson CJ mengatakan bahawa jika mengikut amalan, permohonan itu perlu mengandungi kata-kata yang didakwa sebagai fitnah itu dalam bahasa asalnya dan juga diterjemahkan dalam bahasa mahkamah.⁵

SEKSYEN 8 AKTA BAHASA KEBANGSAAN 1963/67

Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta Bahasa Kebangsaan) ialah Akta Parlimen yang menyatukan undang-undang berkaitan dengan penggunaan bahasa kebangsaan.⁶ Seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan menyatakan bahawa:

“Segala prosiding (selain daripada pemberian keterangan oleh saksi) di Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dalam bahasa kebangsaan:

Dengan syarat bahawa Mahkamah boleh sama ada atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak dalam mana-mana prosiding dan selepas menimbang kepentingan keadilan dalam prosiding itu, memerintahkan supaya prosiding (selain daripada pemberian keterangan oleh saksi) hendaklah sebahagiannya dalam bahasa kebangsaan dan sebahagian lagi dalam bahasa Inggeris.”

Menurut *Halsbury's Laws of Malaysia*, semua prosiding di dalam Mahkamah, kecuali pemberian keterangan oleh saksi, mestilah menggunakan bahasa kebangsaan. Walau bagaimanapun, mahkamah boleh, sama ada atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak dalam prosiding, memerintahkan supaya prosiding itu menggunakan kedua-dua bahasa. Bagi prosiding penggulungan,

penggunaan bahasa Inggeris adalah dibenarkan.⁷

Dalam kes *Yomeishu Seizo Co Ltd v Sinma Medical Products (M) Sdn Bhd*,⁸ Hakim VC George telah membenarkan prosiding dijalankan dalam bahasa Inggeris dan menyatakan bahawa proviso ini memberi Mahkamah kuasa budi bicara yang hendaklah dilaksanakan bukan mengikut kehendak dan kemahuan hakim, tetapi berdasarkan kepentingan keadilan (interests of justice). Hal ini bermaksud bahawa semua fakta yang relevan dan keadaan kes itu mesti dipertimbangkan oleh hakim dalam pelaksanaan budi bicaranya.⁹

Dalam kes *Lim Kit Siang v Datuk Dr. Ling Liong Sik*,^{10M} Mahkamah menyatakan bahawa:

“Perkataan (yang didakwa berunsur fitnah itu) mesti diterbitkan semula dengan tepat dalam bahasa asal berserta dengan terjemahan yang diperakukan dalam bahasa mahkamah. Menurut Mahkamah, ketiadaan terjemahan dalam bahasa Mahkamah (jika kata-kata yang didakwa fitnah itu bukan dalam bahasa mahkamah) akan menyebabkan tuntutan itu gagal.”

Kes *Lim Kit Siang* perlu dibandingkan dengan kes *Hassan* kerana kedua-dua kes ini merupakan saman fitnah dan mahkamah telah menyebutkan tentang keperluan menyediakan dalam pliding berhubung dengan kata-kata yang didakwa fitnah itu dalam bahasa mahkamah. Dalam kes *Hassan*, mahkamah menyatakan bahawa walaupun keperluan untuk menulis kata-kata yang didakwa sebagai fitnah dalam bahasa mahkamah merupakan suatu amalan (practice), kegagalan untuk berbuat demikian tidak akan menjejaskan kes plaintif. Namun demikian, setelah Akta Bahasa Kebangsaan digubal, sikap mahkamah tentang keperluan menggunakan bahasa mahkamah menjadi lebih serius. Hal ini boleh dilihat apabila mahkamah dalam kes *Lim Kit Siang*

memutuskan bahawa kegagalan untuk menyatakan kata-kata yang didakwa fitnah itu dalam bahasa mahkamah dalam pliding akan menyebabkan tuntutan plaintif gagal.

Walaupun bahasa Melayu ialah bahasa mahkamah, hal ini tidak bermakna bahasa Inggeris tidak boleh digunakan. Dalam kes *Karpal Singh a/l Ram Singh v DP Vijandran*,¹¹ dapat dilihat bahawa mendiang Karpal Singh ialah orang pertama yang mencabar kesahihan penghakiman mahkamah yang ditulis dalam bahasa Inggeris sebagai tidak sah dan tidak selaras dengan peruntukan seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan. Mahkamah Persekutuan tidak bersetuju dengannya dan memutuskan bahawa mahkamah mempunyai budi bicara yang luas sama ada untuk menulis penghakiman dalam bahasa kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris. Walaupun bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan dan bahasa Mahkamah, bahasa Inggeris masih kekal sebagai bahasa dominan dalam Mahkamah.

Menurut mahkamah dalam kes *Karpal Singh*, bahasa Inggeris pernah menjadi bahasa mahkamah. Kini, kedudukan bahasa Inggeris kekal sebagai bahasa undang-undang yang dominan dalam mahkamah di negara ini. Secara amalan, peguam dan hakim akan merujuk Akta Parlimen dalam versi bahasa Inggeris untuk memahami undang-undang walaupun versi bahasa Melayu ialah, secara amnya, teks sahih. Peguam dan hakim, terutamanya di mahkamah atasannya merujuk versi “terjemahan” bahasa Inggeris. Mahkamah juga menyatakan bahawa hujahan dan prosiding sebenarnya dalam kedua-dua bahasa, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Oleh itu, walaupun bahasa Inggeris kini bukan bahasa mahkamah, ia tetap mempunyai kedudukan yang unik.

BAHASA MELAYU DALAM UNDANG-UNDANG BERTULIS

Kebanyakan undang-undang bertulis di Malaysia wujud dalam dua bahasa, iaitu

bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Ketetapan versi yang menjadi “teks sahih” adalah amat penting, terutamanya apabila wujud keraguan atau perbezaan antara kedua-dua versi tentang sesuatu istilah atau frasa yang digunakan dalam peruntukan yang sama.¹² Perkara 152(3) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa:

“Walaupun apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selanjutnya oleh Parlimen, teks sahih—

- (a) segala Rang Undang-Undang yang hendak dibawa atau pindaan kepadanya yang hendak dicadangkan ; dan
- (b) segala Akta Parlimen dan segala perundangan subsidiari yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, hendaklah dalam bahasa Inggeris.”

Peruntukan Perlembagaan ini mencerminkan keadaan sistem perundangan Malaysia yang begitu dipengaruhi oleh bahasa Inggeris dan bidang kuasa *common law*. Contohnya, sebahagian besar peruntukan dalam Akta Kontrak 1950 Malaysia diambil daripada Akta Kontrak India (dalam bahasa Inggeris),¹³ dan peruntukan-peruntukan tersebut adalah berdasarkan prinsip asas kontrak *common law* Inggeris.¹⁴

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa undang-undang kini boleh dilihat melalui Akta Bahasa Kebangsaan. Seksyen 6 Akta tersebut menyatakan bahawa:

“Teks—

- (a) bagi segala Rang Undang-Undang yang akan dikemukakan atau pindaan kepadanya yang akan dicadangkan dalam Parlimen atau mana-mana Dewan Undangan Negeri;

- (b) bagi segala Akta Parlimen dan segala perundangan subsidiari yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan;
- (c) bagi segala Enakmen dan perundangan subsidiari yang dikeluarkan oleh mana-mana Kerajaan Negeri; dan
- (d) bagi segala Ordinan yang diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong,

hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan dalam bahasa Inggeris, dan teks dalam bahasa kebangsaan itu adalah sah melainkan jika Yang di-Pertuan Agong menetapkan sebaliknya sama ada secara am atau bagi mana-mana undang-undang atau jenis undang-undang yang tertentu.”

Namun, seksyen 6 Akta Bahasa Kebangsaan itu tidak terpakai untuk undang-undang bertulis yang dibuat sebelum 1 September 1967. Hal ini boleh dilihat melalui seksyen 7(2) Akta Bahasa Kebangsaan yang memperuntukkan bahawa:

“Tiada apa-apa jua dalam seksyen 6 boleh dipakai bagi pindaan mana-mana undang-undang bertulis yang diperbuat sebelum satu hari bulan September 1967, sehingga undang-undang bertulis itu telah diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan dan terjemahan itu telah ditetapkan sebagai sah.”

Dalam kes *Muhamad Elias bin Muhamed Yusoff v PP*,¹⁵ mahkamah telah memutuskan bahawa “Kanun Keseksaan” versi bahasa Melayu yang diterbitkan oleh International Law Book Services bukan “teks sah.” Hal ini kerana Suruhanjaya Semakan Undang-Undang hanya menerbitkan “Penal Code” dalam versi bahasa Inggeris.¹⁶

PENGGUNAAN BAHASA MELAYU UNTUK DOKUMEN MAHKAMAH

Bahasa Melayu bukan sahaja diwajibkan untuk digunakan dalam prosiding tetapi juga semasa memfailkan dokumen-dokumen mahkamah.¹⁷ Menurut Aturan 92, kaedah 1, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012:

“... apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk kegunaan menurut Kaedah-Kaedah ini hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan boleh disertakan dengan terjemahannya dalam bahasa Inggeris, kecuali terjemahan bagi maksud Aturan 11, kaedah 6(4) dan kaedah 7(1) hendaklah disediakan mengikut kaedah 6(5) Aturan itu.”

Dalam kes *Dato' Seri Samy Vellu v Penerbitan Sahabat (M) Sdn Bhd & anor (No 3)*,¹⁸ mahkamah telah mentafsirkan Aturan 92, kaedah 1, Kaedah-Kaedah Mahkamah dan menyatakan bahawa:

“Sesuatu affidavit yang difailkan untuk tujuan menyokong sesuatu permohonan perlu ditulis dalam bahasa Melayu. Apabila affidavit plaintif difailkan dalam bahasa Inggeris, permohonan plaintif boleh ditolak oleh Mahkamah.”

Dalam hal ini, Aturan 101(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994 juga memperuntukkan bahawa:

“Tertakluk kepada subkaedah (2), apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk digunakan menurut kuasa Kaedah-Kaedah ini hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan boleh disertai dengan terjemahannya dalam bahasa Inggeris:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen dalam bahasa Inggeris boleh digunakan sebagai ekshibit,

dengan atau tanpa terjemahannya dalam bahasa kebangsaan.”

Menurut Hakim Abdul Malik dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v Tun Dr. Mahathir*,¹⁹ sekiranya pihak perayu gagal memfailkan memorandum rayuan dalam bahasa kebangsaan, maka rekod rayuan yang difailkan dikira tidak sah. Rayuan yang dibuat oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan dengan alasan bahawa memorandum rayuan yang difailkan adalah dalam bahasa Inggeris. Hal ini menyebabkan memorandum itu menjadi tidak sah kerana tidak mematuhi peraturan mahkamah.²⁰

Keagungan bahasa Melayu juga boleh dilihat di dalam Mahkamah Syariah. Seksyen 232 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 memperuntukkan bahawa:

“(1) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Ketua Hakim Syarie, bahasa kebangsaan hendaklah digunakan dalam prosiding di Mahkamah.

(2) Apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk digunakan menurut Akta ini hendaklah dalam bahasa kebangsaan, dan dokumen dalam mana-mana bahasa lain hendaklah disertakan dengan terjemahannya dalam bahasa kebangsaan.”

Menurut peruntukan di atas, mahkamah syariah wajib menggunakan bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu dalam prosiding melainkan jika terdapat arahan lain yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Syarie. Peruntukan ini juga menekankan bahawa sekiranya ada mana-mana dokumen yang bukan dalam bahasa Melayu, maka dokumen tersebut wajib disertakan dengan naskhah terjemahannya dalam bahasa Melayu.²¹

PERBANDINGAN DENGAN BIDANG KUASA *COMMON LAW* YANG LAIN

Seperti Malaysia, bidang kuasa Singapura, Hong Kong dan India juga dipengaruhi dengan kuat oleh sistem *common law* Inggeris disebabkan oleh penjajahan. Selepas kesemua negara dan wilayah ini mencapai kemerdekaan, status bahasa Inggeris serta bahasa kebangsaan tempatan dalam mahkamah menjadi suatu aspek yang perlu dibincangkan.

SINGAPURA

Walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan Singapura,²² negara ini mempunyai empat bahasa rasmi, iaitu bahasa Melayu, bahasa Mandarin, bahasa Tamil dan bahasa Inggeris.²³ Kesemua bahasa rasmi ini boleh digunakan dalam Parlimen. Namun, jika dilihat dari segi badan kehakiman, hanya bahasa Inggeris yang digunakan dalam teks sahih undang-undang bertulis dan keputusan kes mahkamah yang dilaporkan.²⁴ Selain statusnya sebagai bahasa undang-undang, bahasa Inggeris juga merupakan bahasa dominan di Singapura, terutamanya dalam bidang pentadbiran awam serta pendidikan.²⁵

Dalam kes *Workers' Party v Tay Boon Too*,²⁶ Mahkamah Rayuan Singapura memutuskan bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa rasmi untuk mahkamah. Menurut mahkamah, fitnah (slander) yang dilemparkan dalam bahasa selain bahasa Inggeris perlu dianggap sebagai fitnah dalam bahasa asing. Dalam kes ini, fitnah yang dikeluarkan dalam bahasa Hokkien perlu diterjemahkan kepada bahasa Inggeris dalam pernyataan tuntutan.

Berbeza dengan situasi di Malaysia, bahasa Inggeris merupakan satu-satunya bahasa yang digunakan dalam prosiding mahkamah di Singapura. Namun, sama seperti di mahkamah Malaysia dan mahkamah-mahkamah negara asing, saksi atau tertuduh di Singapura yang tidak mahir dalam bahasa mahkamah (bahasa Inggeris)

boleh memohon untuk mendapatkan bantuan terjemahan daripada jurubahasa mahkamah.²⁷ Yang jelas adalah walaupun bahasa kebangsaan Singapura ialah bahasa Melayu, kedudukan dan status bahasa tersebut tidaklah setinggi bahasa Melayu di Malaysia. Walaupun bahasa Inggeris dibenarkan untuk prosiding mahkamah di Malaysia, bahasa Melayu kekal relevan dan digunakan dalam kebanyakan prosiding yang dijalankan di hadapan mahkamah majistret dan mahkamah seksyen.²⁸

INDIA

Bahasa mahkamah di India ditetapkan dengan jelas dalam Perlembagaan India. Di bawah Perkara 348(1) Perlembagaan India,

“Sehingga Parlimen melalui undang-undang memperuntukkan selainnya, maka bahasa Inggeris perlu digunakan dalam—

- (a) semua prosiding di Mahkamah Agung dan di Mahkamah Tinggi,
- (b) teks sah untuk Rang Undang-Undang, Akta yang diluluskan oleh Parlimen atau Badan Perundangan Negeri, Ordinan yang diisytiharkan oleh Presiden atau Gabenor Negeri, dan
- (c) semua perintah, peraturan, undang-undang kecil yang dibuat mengikut Perlembagaan atau undang-undang yang dibuat oleh Parlimen atau Badan Perundangan Negeri.”

Walaupun bahasa Inggeris digunakan di mahkamah tinggi India, Perkara 348(2) Perlembagaan juga memperuntukkan Gabenor Negeri boleh membenarkan penggunaan bahasa Hindi atau mana-mana bahasa lain dengan persetujuan Presiden untuk prosiding mahkamah tinggi. Jika keputusan atau perintah mahkamah tinggi dibuat atau ditulis dalam bahasa selain bahasa Inggeris, maka keputusan atau perintah itu perlu disediakan bersama

dengan terjemahan dalam bahasa Inggeris.²⁹

Dalam kes *Prabhat Kumar Sharma v Union Public Service Commission and others*,³⁰ Mahkamah Tinggi India memutuskan bahawa versi Hindi Scheduled Tribe Order 1976 bukan teks sah. Hal ini kerana berdasarkan Perkara 348(1)(b) Perlembagaan India, hanya teks undang-undang dalam bahasa Inggeris akan dikira sebagai teks sah. Keputusan ini dibuat kerana wujud keraguan antara versi Hindi dengan Inggeris terhadap istilah “lohar.”

Berbeza dengan situasi di India, bahasa mahkamah atasan di Malaysia tidak ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan seperti yang ada dalam Perlembagaan India. Bahasa yang digunakan untuk prosiding mahkamah-mahkamah rendah di India pula tidak diseragamkan kerana bahasa yang digunakan untuk prosiding akan ditentukan oleh kerajaan negeri masing-masing. Realitinya, prosiding di mahkamah rendah di India biasanya akan menggunakan bahasa daerah, tertakluk pada arahan kerajaan negeri.³¹ Prinsip am di Malaysia ialah bahasa yang digunakan di mahkamah atasan dan mahkamah rendah ialah bahasa Melayu, tetapi mahkamah mempunyai budi bicara untuk mengarahkan supaya bahasa Inggeris digunakan bersama dengan bahasa Melayu dalam prosiding.³²

HONG KONG

Pada tahun 1997, wilayah Hong Kong diserahkan kembali oleh United Kingdom kepada China secara rasmi. Susulan itu, Hong Kong menjadi kawasan pentadbiran khas China, dan kekal memiliki bidang kuasa *common law*. Walaupun kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa Cina ditetapkan sebagai bahasa rasmi Hong Kong, pada tahun 1990-an dan 2000-an, penggunaan bahasa Cina untuk tujuan undang-undang masih jauh ketinggalan³³ berbanding dengan penggunaan bahasa Inggeris.³⁴ Hal ini kerana kebanyakan sumber undang-undang Hong Kong wujud dalam bahasa

Inggeris, termasuklah Akta dan laporan kes Hong Kong, *common law* Inggeris, dan Akta Parlimen British.³⁵

Kini, di bawah seksyen 5 Official Languages Ordinance, seseorang hakim, majistret atau pesuruhjaya kehakiman boleh menggunakan salah satu atau kedua-dua bahasa Inggeris dan bahasa Cina dalam mana-mana prosiding atau sebahagian prosiding yang difikirkan sebagai sesuai. Sama seperti hakim di Malaysia, keputusan untuk memilih bahasa yang akan digunakan itu berada di tangan hakim untuk bidang kuasa Hong Kong. Namun, Hong Kong memiliki dua bahasa mahkamah, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Cina. Sebaliknya, bagi Malaysia, bahasa Inggeris bukan bahasa mahkamah, tetapi ia boleh digunakan atas kebenaran hakim.

ANALISIS PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DALAM SISTEM KEHAKIMAN

Walaupun ada peruntukan yang memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa mahkamah, namun ia tidak menjamin penggunaan bahasa melayu dalam mahkamah secara mutlak. Oleh itu, suatu analisis akan dibuat tentang penggunaan bahasa Melayu dalam sistem kehakiman.

PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DALAM MAHKAMAH

Menurut seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan bahasa Melayu, iaitu bahasa kebangsaan, hendaklah digunakan dalam prosiding pada semua peringkat mahkamah, sama ada mahkamah rendah atau mahkamah atasan. Namun, seksyen ini memberikan budi bicara kepada mahkamah untuk membenarkan sebahagian daripada prosiding itu dijalankan dalam bahasa Melayu dan sebahagian lagi dalam bahasa Inggeris. Hal ini bermaksud bahawa pengamal undang-undang yang hendak bertutur dalam bahasa Inggeris di Mahkamah perlu meminta kebenaran

mahkamah. Keadaan ini menunjukkan keutamaan bahasa Melayu dalam mahkamah.

Walau bagaimanapun, kelonggaran ini telah menyebabkan penggunaan kedua-dua bahasa secara bercampur. Menurut tinjauan yang telah dibuat, mahkamah atasan seperti Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan sentiasa menggunakan bahasa Inggeris dengan lebih banyak pada masa ini. Menurut bekas Ketua Hakim Negara, Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim, penggunaan bahasa di mahkamah tidak sempurna kerana sentiasa bercampuran antara bahasa kebangsaan dengan bahasa Inggeris.³⁶

KEPENTINGAN PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DALAM MAHKAMAH

Menurut Puan Kokila Vaani a/p Vadiveloo, Pengerusi Jawatankuasa Peguam Negeri Selangor, undang-undang yang memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di mahkamah akan menjadi asas untuk pengamal undang-undang bagi meningkatkan kemahiran bahasa Melayu mereka dengan lebih baik. Hal ini akan menyebabkan peguam-peguam dan hakim-hakim perlu fasih dalam kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.³⁷

Penggunaan bahasa Melayu dalam mahkamah adalah begitu penting kerana dapat mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Malaysia bukanlah satu-satunya negara yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa mahkamah. Negara Perancis, Jerman, China, Thailand dan sebagainya juga menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa mahkamah mereka.³⁸ Oleh itu, penggunaan bahasa Melayu dalam mahkamah akan menjadi langkah yang sangat penting untuk memastikan kegemilangan bahasa Melayu.

CABARAN PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DALAM MAHKAMAH

Dalam memastikan penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa mahkamah, terdapat beberapa masalah yang harus diberi perhatian. Pertama sekali, iaitu terjemahan istilah kepada bahasa Melayu. Oleh sebab negara Malaysia mengikut sistem *common law*, terdapat sumber undang-undang dalam bahasa Inggeris yang perlu digunakan sebagai rujukan. Kebanyakan bahan bacaan diterbitkan dalam bahasa Inggeris. Banyak istilah undang-undang yang wujud dalam bahasa Latin dan bahasa Inggeris. Semasa menterjemahkan istilah undang-undang kepada bahasa Melayu, badan kehakiman mesti memastikan bahawa istilah yang diterjemahkan adalah tepat supaya tidak menimbulkan apa-apa salah faham.

Keduanya, oleh sebab kepentingan bahasa Inggeris dalam era globalisasi, ia lebih dipentingkan pada peringkat institusi pengajian tinggi (IPT). Memang terdapat beberapa inisiatif untuk memperkembangkan bahasa Melayu di IPT, seperti mewajibkan kursus wajib Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) dan kursus Hubungan Etnik dikendalikan dalam bahasa Melayu. Namun, jika dilihat kepada kursus undang-undang, kebanyakan universiti masih menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama dalam pengajaran dan pembelajaran. Contohnya, kursus undang-undang di universiti awam, seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) ditawarkan dengan bahasa Inggeris. Situasi ini lebih menyerlah di universiti swasta. Hal ini akan menyebabkan pengamal undang-undang menjadi kurang mahir dalam bahasa Melayu.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan telah menyebabkan kelonggaran penggunaan bahasa kebangsaan di mahkamah. Hal ini dikatakan demikian kerana mahkamah

mempunyai budi bicara untuk membenarkan penggunaan bahasa Inggeris dalam Mahkamah.

Oleh itu, Akta ini sebenarnya harus dipinda dengan mengubah suai seksyen 8. Proviso dalam peruntukan tersebut boleh digantikan dengan proviso baharu yang memperuntukkan penggunaan bahasa Inggeris hanya akan dibenarkan apabila persoalan yang ditimbulkan adalah berkaitan dengan *common law* dan ekuiti sebelum 1 September 1967. Hal ini kerana undang-undang yang diluluskan sebelum tarikh ini adalah dalam bahasa Inggeris. Pindaan ini akan menyekat kebebasan penggunaan bahasa Inggeris dalam Mahkamah dan juga akan mengelakkan percampuran bahasa dalam mahkamah.

KESIMPULAN

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa mahkamah di Malaysia yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan dan statut tidak boleh dipertikaikan. Namun, situasi ini tidak memberikan impak negatif kepada bidang undang-undang di Malaysia yang begitu dipengaruhi oleh sistem undang-undang Inggeris.³⁹ Walaupun bahasa Melayu telah menggantikan bahasa Inggeris sebagai bahasa mahkamah di Malaysia, realitinya, ia adalah mustahil untuk hanya menggunakan bahasa Melayu dalam prosiding mahkamah serta dokumen mahkamah. Hal ini kerana hampir separuh sumber undang-undang di Malaysia wujud dalam bahasa Inggeris. Lebih-lebih lagi, kebanyakan keputusan mahkamah atasan sehingga kini masih dilaporkan dalam bahasa Inggeris.

Oleh itu, mana-mana dakwaan bahawa sistem undang-undang di Malaysia kurang efisien disebabkan oleh penggunaan bahasa Melayu adalah tidak benar.⁴⁰ Tindakan bersepadu perlu diambil oleh semua pihak untuk memartabatkan penggunaan bahasa Melayu.⁴¹ Usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu harus dimulakan dengan pengamal undang-

undang dan pelajar undang-undang di Malaysia.

NOTA

- ¹ Perkara 152(1), Perlembagaan Persekutuan.
- ² Ahmad Amsyar Ahmad Effendy & S. Arunagiri, 'Pemakaian Bahasa Melayu sebagai Bahasa Mahkamah Syariah di Malaysia' (2021) 3 *CLJ* 10-15.
- ³ [1982] 2 MLJ 243.
- ⁴ [1960] 1 LNS 34; [1961] 27 MLJ 45.
- ⁵ Ibid.
- ⁶ Preamble, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.
- ⁷ Halsbury's Laws of Malaysia - Civil Procedure (Volumes 7(1) and 7(2)).
- ⁸ [1996] 2 MLJ 334.
- ⁹ Ibid.
- ¹⁰ [1997] 5 MLJ 523.
- ¹¹ [2001] 4 MLJ 161.
- ¹² Bermann, G. A., 'Bilingualism and Translation in the U.S. Legal System: A Study of the Louisiana Experience' (2006) 54 *American Journal of Comparative Law* 89.
- ¹³ Tun Zaki Azmi, 'The Common Law of Malaysia in the 21st Century' (2012) 24(1) *Singapore Academy of Law Journal* 1.
- ¹⁴ Kho, F. M., 'Understanding the Phrase *Not Voidable* in Section 23 of the Contracts Act 1950' [2021] 1 MLJ 1xxxiv.
- ¹⁵ [2016] 8 CLJ 723.
- ¹⁶ Ibid.
- ¹⁷ Mstar, Bahasa Kebangsaan Diwajibkan dalam Prosiding dan Dokumentasi Mahkamah [2019] <<https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2009/12/09/bahasa-kebangsaan-diwajibkan-dalam-prosiding-dan-dokumentasi-mahkamah>> diakses (1 Mei 2022).
- ¹⁸ [2005] 5 MLJ 561.
- ¹⁹ [2010] 2 MLJ 41.
- ²⁰ Ibid, [42].
- ²¹ Azirah Hashim & Norizah Hassan, 'Language of the legal process: An analysis of interactions in the Syariah court' (2011) 30(3-4) *Journal of Cross-Cultural and Interlanguage Communication* 333.
- ²² Perkara 153A (2), Perlembagaan Republik Singapura.
- ²³ Perkara 153A (1), Perlembagaan Republik Singapura.
- ²⁴ Hickling, 'Law, Language and Singapore' (1975) 17 *Mal LR* 136, 137.
- ²⁵ Y. Slaughter, J. Hajek, *Challenging the Monolingual Mindset*, Multilingual Matters, Bristol, 2014, pp. 33-48.
- ²⁶ [1975-1977] 1 SLR 124.
- ²⁷ Subpoenaed to be a Court Witness in Singapore: What You Need to Do [2022] *Singapore Legal*

Advice < <https://singaporelegaladvice.com/law-articles/subpoenaed-court-witness-singapore-what-to-do/>> diakses (14 April 2022).

- ²⁸ D. Bowen, *Interpreting: Yesterday, Today, and Tomorrow*, John Benjamins Publishing Company, Amsterdam, 1990, p. 109.
- ²⁹ Seksyen 7, Official Languages Act 1963 (India).
- ³⁰ (2007) 8 MLJ 807.
- ³¹ Seksyen 272, Code of Criminal Procedure 1973 (India); Seksyen 137, Code of Civil Procedure 1908 (India).
- ³² Seksyen 8, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.
- ³³ Y.H. Zhao, 'Hong Kong: The Journey to a Bilingual Legal System' (1997) 19(2) *Loyola of Los Angeles International & Comparative Law Journal* 293.
- ³⁴ Seksyen 3(1), Official Languages Ordinance 1974 (Hong Kong).
- ³⁵ A. Chen, '1997: The Language of the Law in Hong Kong' (1985) 15 *Hong Kong LJ* 19.
- ³⁶ Hassan Alias, Upaya Mempertingkatkan Martabat Bahasa Melayu di Mahkamah [2016] *Klik Web DBP* <<http://klikweb.dbp.my/?p=9306>> diakses (8 Mei 2022).
- ³⁷ Norsuhaila Ibrahim, Gunakan Bahasa Melayu Sepenuhnya di Mahkamah [2021] <<https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2021/10/15/gunakan-bahasa-melayu-sepenuhnya-di-mahkamah/>> diakses (8 Mei 2022).
- ³⁸ Malaysia Bar, Bahasa Melayu dalam mahkamah [2008] <<https://www.malaysianbar.org.my/article/news/bar-news/news/bahasa-melayu-dalam-mahkamah>> diakses (14 April 2022).
- ³⁹ Seksyen 3, Akta Undang-Undang Sivil 1956.
- ⁴⁰ R. Powell & Azirah Hashim, 'Language disadvantage in Malaysian litigation and arbitration' (2011) 30(1) *World Englishes* 92.
- ⁴¹ Zainul Rijal Abu Bakar, Martabat bahasa kita di mahkamah [2021] <<https://www.sinarharian.com.my/article/128315/KOLUMNIS/Martabat-bahasa-kita-di-mahkamah>> diakses (1 Mei 2022).

RUJUKAN

- Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.
- Akta Kontrak 1950.
- Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998.
- Akta Undang-Undang Sivil 1956.

- Ahmad Amsyar Ahmad Effendy & Arunagiri, S. 2021. Pemakaian Bahasa Melayu sebagai Bahasa Mahkamah Syariah di Malaysia. *Current Law Journal*. 3-10-15.
- Azirah Hashim & Norizah Hassan. 2011. Language of the legal process: An analysis of interactions in the Syariah court. *Journal of Cross-Cultural and Interlanguage Communication* 30(3-4): 333.
- Bermann, G. A. 2006. Bilingualism and Translation in the U.S. Legal System: A Study of the Louisiana Experience. *American Journal of Comparative Law* 54: 89.
- Bahasa Melayu dalam Mahkamah. Badan Peguam Malaysia. <https://www.malaysianbar.org.my/article/news/bar-news/news/bahasa-melayu-dalam-Mahkamah> [14 April 2022].
- Bahasa Kebangsaan Diwajibkan dalam Prosiding dan Dokumentasi Mahkamah. MStar. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2009/12/09/bahasa-kebangsaan-diwajibkan-dalam-prosiding-dan-dokumentasi-Mahkamah> [1 Mei 2022].
- Bowen, D. 1990. *Interpreting: Yesterday, Today, and Tomorrow*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Chen, A. 1985. 1997: The Language of the Law in Hong Kong. *Hong Kong LJ* 15: 19.
- Code of Civil Procedure 1908.
- Code of Criminal Procedure 1973.
- Contracts Act 1872.
- Hanis Izrin Mohd Hassan, Siti Mahani Angterian & Mohd Sharifudin Yusop. 2017. Kegemilangan Bahasa Melayu sebagai Lingua Franca. *Jurnal Kesidang* 2: 18-30.
- Hickling, R. H. 1975. Law, Language and Singapore. *Malaya Law Review* 17: 136.
- Halsbury's Laws of Malaysia - Civil Procedure. 2007. Volume 7(1) and 7(2). Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.
- Hassan Alias. 2016. Upaya Mempertingkatkan Martabat Bahasa Melayu di Mahkamah. Klik Web DBP. <http://klikweb.dbp.my/?p=9306> [8 Mei 2022].
- Kho, F. M. 2021. Understanding the Phrase *Not Voidable* in Section 23 of the Contracts Act 1950. *Malayan Law Journal* 1: 1xxxiv.
- Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.
- Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan 1994.
- Mohd Nazri Latiff Azmi. 2013. National Language Policy and Its Impacts on Second Language Reading Culture. *Journal of International Education and Leadership* 3(1): 1.
- Muhammad Ariff Ahmad. 1992. *Pertumbuhan dan Perkembangan Bahasa Melayu*. Singapura: Jawatankuasa Bulan Bahasa.
- Malaysia guna Bahasa Melayu untuk setiap urusan rasmi negara – PM. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-guna-bahasa-melayu-untuk-setiap-urusan-rasmi-negara-pm-348849> [7 Mei 2022].
- Official Languages Act 1963.

Powell, R. & Azirah Hashim. 2011. Language disadvantage in Malaysian litigation and arbitration. *World Englishes* 30(1): 92-105.

Perlembagaan Persekutuan 1957.

Perlembagaan Republik Singapura.

Perlembagaan India.

Slaughter, Y. & Hajek, J. 2014. *Challenging the Monolingual Mindset*. Bristol: Multilingual Matters Ltd.

Subpoenaed to be a Court Witness in Singapore: What You Need to Do. Singapore LegalAdvice. <https://singaporelegaladvice.com/law-articles/subpoenaed-court-witness-singapore-what-to-do/> [14 April 2022].

Zaki Azmi. 2012. The Common Law of Malaysia in the 21st Century. *Singapore Academy of Law Journal* 24(1): 1.

Zhao, Y. H. 1997. Hong Kong: The Journey to a Bilingual Legal System. *Loyola of Los Angeles International & Comparative Law Journal* 19(2): 293.

Zainul Rijal Abu Bakar. 2021. Martabat Bahasa Kita di Mahkamah. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/128315/KOLUMNIS/Martabat-bahasa-kita-di-Mahkamah> [1 Mei 2022].

Tan Chai Wei
Fakulti Undang-Undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi Selangor
E-mel: A179264@siswa.ukm.edu.my

Yong Kin Ngai
Fakulti Undang-Undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi Selangor
E-mel: A179274@siswa.ukm.edu.my